

**TEKS UCAPAN**  
**MAJLIS MENANDATANGANI PERSETUJUAN PERSEFAHAMAN**  
**ANTARA KAKITANGAN DENGAN MALINDO AIR SERTA**  
**PELANCARAN PRODUK DAN SERVIS**  
**OLEH**  
**YB DATO' SERI KONG CHO HA**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**7 MAC 2013 - 10.00 PAGI**  
**HOTEL PUTRAJAYA MARRIOT ,PUTRAJAYA**

Yang Berbahagia Dato Azharuddin Abdul Rahman

Ketua Pengarah, Jabatan Penerbangan Awam

Yang Terhormat Bapak Rusdi Kirana

Presiden Direktor, PT Lion Group

YBhg Tan Sri Ahmad Johan

Presiden, National Aerospace Defense Industries (NADI)

YBhg Encik Chandran Rama Muthy

Ketua Pegawai Eksekutif, Malindo Air

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk

Dif-dif Jemputan

Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Para Hadirin Sekalian,

Izinkan saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Malindo Air kerana telah menjemput saya untuk menyaksikan majlis menandatangani persetujuan persefahaman di antara kakitangan dengan Malindo Air serta melancarkan produk dan perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh Malindo Air.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Malindo Air kerana berjaya mendapatkan Perakuan Pengendali Udara atau *Air Operator's Certificate* (AOC) pada 26 Februari yang lepas. Saya percaya kejayaan ini adalah hasil usaha dan dedikasi pihak warga kerja Malindo Air dalam memastikan perkhidmatan yang ditawarkan dan menepati tahap piawaian keselamatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia (DCA).

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sektor pengangkutan udara di Malaysia telah berkembang dengan pesat. Kemunculan syarikat penerbangan tambang murah dan perkhidmatan penerbangan *hybrid* seperti Malindo Air telah mengubah lanskap industri penerbangan negara. Saya percaya perkhidmatan penerbangan tambang murah akan terus mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pengguna. Pada masa yang sama, perkhidmatan penerbangan *full service carrier* akan turut berkembang maju.

Saya telah difahamkan bahawa Malindo Air telah menyusun strategi tersendiri berdasarkan konsep *hybrid* iaitu menyediakan gabungan penerbangan tambang murah dan perkhidmatan premium kepada penumpang seperti pilihan tempat duduk kelas perniagaan/ekonomi, *in-flight entertainment*, makanan percuma dan muatan bagasi percuma mengikut had muatan dan kelas tempat duduk.

Dengan adanya Malindo Air sebagai sebuah syarikat penerbangan berjadual baru di negara ini, ia dapat mewujudkan persaingan yang sihat kepada syarikat-syarikat penerbangan tambang murah lain di Malaysia.

Dalam hubungan ini, setiap syarikat penerbangan akan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi menarik pelanggan. Saya percaya bahawa tahap perkhidmatan yang diberikan adalah titik penentu kepada kejayaan mana-mana syarikat penerbangan. Saya juga berpendapat Malindo Air akan memberikan banyak faedah kepada negara khususnya rakyat Malaysia.

Pada masa ini, terdapat lebih daripada 1,000 graduan juruterbang di Malaysia yang memiliki *Airline Transport Pilot's License* (ATPL) dan *Commercial Pilot's License* (CPL) masih belum mendapat pekerjaan.

Dalam hubungan ini, penubuhan Malindo Air sebagai sebuah syarikat penerbangan baru dapat mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dalam sektor penerbangan kepada rakyat tempatan terutamanya kepada graduan juruterbang yang belum mendapat pekerjaan.

Malindo Air mensasarkan sebanyak 753 peluang pekerjaan akan diwujudkan menjelang operasi tahun pertamnya termasuklah juruterbang, kakitangan kabin, jurutera dan kakitangan pentadbiran. Daripada jumlah ini, sebanyak 80 jawatan adalah juruterbang. Bilangan juruterbang akan ditambah secara berperingkat kepada 552 orang pada tahun 2018. Dalam pada itu, buat permulaanya seramai 176 orang juruterbang telah dilantik oleh Malindo Air.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Penumpang udara di Malaysia sekarang mempunyai pelbagai alternatif atau pilihan syarikat penerbangan untuk ke sesuatu destinasi melalui Malindo Air. Di samping kadar tambang yang lebih kompetitif, terdapat penambahan rangkaian penerbangan ke destinasi-destinasi domestik dan antarabangsa lebih-lebih lagi bagi perkhidmatan penerbangan tambang murah.

Di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP), Kerajaan telah mengenal pasti sektor pelancongan sebagai salah satu sektor ekonomi utama yang boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mensasarkan untuk meningkatkan ketibaan pelancong dari negara-negara berjarak sederhana (*medium haul*) termasuklah Australia, Republik Rakyat China, India, Korea Selatan dan Taiwan dari 15% daripada jumlah pelancong yang tiba di Malaysia pada tahun 2010 kepada 25% pada tahun 2020.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Projek pembinaan KLIA 2 sedang dijalankan dan dijangka beroperasi pada bulan Jun 2013. Projek tersebut, antara lain, melibatkan pemasangan *aerobridge* yang merupakan salah satu kemudahan kepada syarikat penerbangan dalam mengendalikan penumpang terutamanya warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak. Menurut Malindo Air, pihaknya berhasrat untuk menggunakan kemudahan *aerobridge* tersebut bagi operasi di KLIA 2. Justeru, operasi Malindo Air di KLIA 2 dapat memanfaatkan segala kemudahan-kemudahan yang bakal disediakan di lapangan terbang tersebut.

Dengan adanya operasi Malindo Air sebagai syarikat penerbangan tambang murah baru di KLIA 2, ia akan meningkatkan jumlah pengendalian penumpang dan kargo di Malaysia. Malindo Air telah mensasarkan bahawa sebanyak 2.59 juta penumpang akan menggunakan perkhidmatannya pada tahun 2013 dan jumlah ini akan meningkat kepada 6.51 juta penumpang pada tahun 2014 dan 9.99 juta penumpang pada tahun 2015.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada tahun 2006, Kerajaan telah memutuskan untuk membangunkan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sebagai Pusat Aeroangkasa Antarabangsa Malaysia (*Malaysia International Aerospace Centre* – MIAC). Pembangunan MIAC adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan bidang aeroangkasa sebagai salah satu cabang baru dalam menjana ekonomi negara. Di antara komponen utama MIAC termasuklah pembangunan Pusat *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO). NADI merupakan salah sebuah syarikat utama yang memberikan perkhidmatan MRO di MIAC. Dalam hubungan ini, Malindo Air akan menggunakan perkhidmatan penyelenggaraan pesawat daripada NADI yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang tersebut.

Kerjasama di antara Malindo Air dan PT Lion Group (Indonesia), Malindo telah berupaya mengambil graduan-graduan juruterbang dari sekolah-sekolah penerbangan Malaysia untuk menjalani latihan di institusi latihan penerbangan di Indonesia dan berkhidmat dengan Malindo Air. Berlandaskan kepada inisiatif ini, Malindo Air telah membantu dalam menangani masalah pengangguran graduan juruterbang di Malaysia.

Adalah menjadi harapan saya supaya usaha Malindo Air berusaha memberi persaingan yang sihat kepada industri penerbangan di Malaysia. Melalui saingan seperti ini, rakyat akan menerima banyak faedah dari sektor penerbangan. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada Malindo Air serta semua yang akan menceburi kerjaya bersama Malindo Air.

Sekian, terima kasih.